

Parti pembangkang ketandusan isu — Dr. M

LANGKAWI 7, Mac — Ketandusan isu yang boleh dimainkan oleh parti-parti pembangkang menjadikan iklim pilihan raya umum kali ini adalah lebih memihak kepada Barisan Nasional (BN) berbanding pilihan raya umum 1999.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, parti-parti pembangkang kini mendapati mereka tidak lagi mempunyai isu yang boleh dijadikan modal kempen politik bagi menarik sokongan pengundi seperti yang dilakukan pada pilihan raya umum lalu.

“Tidak ada isu melainkan yang akan dicipta oleh parti lawan iaitu Pas dan DAP. Apa yang patut kita buat, kita dah buat.” katanya pada sidang akhbar selepas majlis penamaan dan perasmian Air Terjun Langkawi di Jalan Teluk Datai, di sini hari ini.

Ditampa nasihat beliau kepada pemimpin politik di

Kedah yang tidak terpilih sebagai calon pada pilihan raya umum kali ini, Dr. Mahathir selaku Penasihat Pilihan Raya BN Kedah berkata, semua orang mesti menerima keputusan yang telah dibuat oleh pucuk pimpinan.

Mengenai pengundi di Langkawi, beliau berkata, penduduk di pulau ini tidak sepatutnya mempersoalkan calon yang telah dipilih parti.

“Tidak tahulah siapa hendak jadi calon tetapi siapa juga calon, (pengundi di Langkawi) kena undi BN pasal orang Langkawi kini lebih mewah daripada orang di daratan,” katanya.

Katanya, kerajaan sudah membelanjakan lebih RM4 bilion untuk membangunkan Langkawi sehingga ia menjadi pulau peranginan yang terkenal.